

Kaedah biak buluh pinang

PINANG buluh antara tanaman yang sering menjadi pilihan untuk diletakkan pada ruang kediaman.

Tanaman kian popular kerana bukan sekadar mudah dijaga malah mampu mewujudkan suasana segar bagi segenap ruang.

Pada masa sama, tumbesaran pinang buluh pastinya tidak terganggu jika disiram sekurang-kurangnya dua kali sehari. Dari segi rutin pembajajannya pula, tanaman berkenaan memerlukan baja organik sekurang-kurangnya dua bulan sekali.

Sekiranya pinang buluh itu didapati matang dan membiak dengan banyak, seelok-eloknya anda lakukan pemindahan pasu untuk pembiakan yang lebih terancang. Perlu diingat pinang buluh yang membesar dalam beg samaian juga perlu

dipindahkan segera. Paling penting anda memahami sepenuhnya kaedah pembiakan pinang buluh supaya ruang kediaman anda tetap hijau dan segar.

Berikut antara kaedah pembiakan pinang buluh ilham kreatif Melati Evergreen Enterprise di No PT 8734, Jalan Langkawi, Setapak, Kuala Lumpur.

Sediakan bahan:

- dua pasu baru
- pinang buluh yang sudah matang
- tanah baja
- sabut kelapa
- peralatan berkebun seperti gunting dan pisau.

Langkah 1

- Tanggalkan dengan teliti pinang buluh dari beg samaian.

Langkah 2

- Bahagi pokok berkenaan kepada dua

bahagian dan belah menggunakan pisau dengan teliti.

Langkah 3

- Ambil bahagian pertama pinang buluh itu dan masukkan ke dalam pasu baru.
- Sebelum itu letakkan sedikit sabut kelapa pada dasar pasu untuk pengaliran air sempurna.

Langkah 4

- Masukkan tanah baja hingga kedudukan pokok berkenaan seimbang atau tidak mudah tumbang. -

Langkah 5

- Selepas disiram pinang buluh yang sudah dipindahkan itu boleh ditempatkan pada ruang kediaman anda.

INFO

- Lakukan kaedah sama pada sebahagian lagi pinang buluh yang sudah dibelah tadi.